



SIARAN MEDIA

MESYUARAT MENTERI-MENTERI ALAM SEKITAR ASEAN KE-18 (18th AMME) DAN MESYUARAT PERSIDANGAN AHLI-AHLI PARTI KEPADA PERJANJIAN ASEAN MENGENAI PENCEMARAN JEREBU RENTAS SEMPADAN KE-20 (COP-20)

**3 - 4 September 2025
Langkawi, Malaysia**

1. Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN ke-18 dan Mesyuarat Persidangan Ahli-ahli Parti Kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan ke-20 telah diadakan pada 3 September 2025, di Langkawi, Malaysia. Mesyuarat-mesyuarat tersebut mengesahkan semula komitmen mereka untuk memperkukuh usaha serantau yang bersepadu dalam menangani cabaran alam sekitar dan menggalakkan pembangunan mampan, selaras dengan tema Pengerusi ASEAN Malaysia 2025: Inklusiviti dan Kelestarian serta Visi Komuniti ASEAN 2045 dan Pelan Strategik Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) yang telah diterima pakai oleh Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46.
2. Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, dan pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan dan dari Pejabat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri.
3. Mesyuarat tersebut menghargai keutamaan-keutamaan Pengerusi ASEAN 2025 Malaysia untuk memupuk kerjasama serantau, antara lain, melalui 'Menangani Perubahan Iklim untuk Pengawasan, Perkongsian, dan Pemilikan'. Mesyuarat itu mengesahkan Kenyataan Bersama ASEAN mengenai Perubahan Iklim kepada Sesi Ke-30 Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC COP30) untuk pertimbangan Sidang Kemuncak ASEAN ke-47.

Mesyuarat itu mengiktiraf inisiatif Malaysia untuk menubuhkan Kumpulan Perundingan Perikatan Asia Tenggara (Group SEA) di bawah Proses Rundingan Perubahan Iklim Global dalam UNFCCC, mengalu-alukan perbincangan dan input lanjut daripada AMS. Mesyuarat menantikan penubuhan Pavilion ASEAN yang pertama di UNFCCC COP30 pada November 2025, di Belém, Brazil, yang akan menjadi demonstrasi komitmen tinggi ASEAN yang tidak berbelah bahagi untuk mengambil tindakan yang bermakna terhadap perubahan iklim. Mesyuarat itu mengiktiraf inisiatif Malaysia untuk mengukuhkan kapasiti dan kerjasama mengenai pasaran karbon dan harga karbon di rantau ini, untuk menyumbang kepada matlamat iklim ASEAN.

4. Mesyuarat menghargai pemeteraian Perjanjian Penubuhan Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ACCC) yang berpangkalan di Brunei Darussalam dan Perjanjian Penubuhan Pusat Penyelaras ASEAN bagi Kawalan Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (ACC THPC) yang berpangkalan di Indonesia oleh semua Negara Anggota ASEAN. Mesyuarat menantikan setiap Negara Anggota ASEAN memulakan proses ratifikasi dan penubuhan serta pengoperasian penuh kedua-dua Pusat tersebut.

5. Di dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Pembangunan, telah mengongsikan mengenai inisiatif-inisiatif Negara Brunei Darussalam untuk mencapai alam sekitar yang berdaya tahan yang menyokong wawasan kebangsaan Wawasan Brunei 2035 dan Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pembangunan Mampan. Dalam bidang pengurusan sisa dan ekonomi keliling (*circular economy*), Negara Brunei Darussalam terus memajukan usaha ke arah pengurusan sisa mampan melalui tiga strategi utama: pengurangan sisa buangan melalui 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*), kesedaran dan pemeraksanaan awam, dan penggunaan teknologi *Waste to Resource*. Antara lain inisiatif-inisiatif yang sedang berjalan termasuk Inisiatif *Eco Food Waste*, Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik, Inisiatif Bebas Botol Plastik, Kempen Kebersihan Senegara *Coastal Marvel*, Hari Kitar Semula Senegara dan Kempen Bawalah Barang Guna Semula Awda. Mengenai Perubahan Iklim dan kemampanan, Negara Brunei Darussalam telah melakar hala tuju yang jelas ke arah pengurangan 20% dalam pelepasan gas rumah hijau menjelang 2030 berbanding tahap *Business as Usual* bagi pelepasan *net zero* menjelang 2050 melalui arahan pelaporan gas rumah hijau mandatori yang telah mengukuhkan kapasiti MRV kebangsaan. Di samping itu, Negara Brunei Darussalam kekal komited untuk melibatkan belia melalui inisiatif-inisiatif yang disasarkan ke arah penglibatan golongan muda di setiap peringkat, termasuk program BELIA BRUNAS melalui fasa YouLEARN dan YouGAIN, Inisiatif *Green Schools* dan Program STEAM *Outreach*. Negara Brunei Darussalam juga terus menjaga biodiversiti negara di mana 41% telah ditetapkan bagi perlindungan dan pemuliharaan global, komited kepada Rangka kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal serta mengesahkan komitmen untuk menanam 500,000 pokok Baharu menjelang 2035.

6. Mesyuarat meluluskan pencalonan enam (6) Taman Warisan ASEAN yang baharu, iaitu Rizab Hidupan Liar Tengku Hassanal, Taman Negara Bako dan Taman Negara Lambir Hills dari Malaysia; Taman Negara Pu Mat, Rizab Budaya dan Alam Semulajadi Dong Nai dan Taman Negara Xuan Thuy dari Viet Nam; sebagai Taman Warisan ASEAN yang ke-64, 65, 66, 67, 68, dan 69. Mesyuarat mengucapkan tahniah kepada Pusat Biodiversiti ASEAN (ACB) atas ulang tahunnya yang ke-20 tidak lama lagi

sebagai pusat kecemerlangan serantau untuk pemuliharaan biodiversiti dan menghargai sokongan berterusan dalam mempermudah kerjasama dan penyelarasan mengenai biodiversiti. Selain itu, Mesyuarat turut mengalu-alukan Pengarah Eksekutif Pusat Biodiversiti ASEAN yang baharu.

7. Mesyuarat mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah ASEAN *Environmentally Sustainable Cities* (ESC) ke-6 dan *Certificate of Recognition* yang ke-5, mengiktiraf pencapaian mereka sebagai inspirasi untuk bandar-bandar lain bagi melaksanakan dasar dan amalan yang lebih mampan. Seminar Serantau ESC ASEAN telah diadakan pada 2-3 September 2025, yang telah memperkasakan bandar-bandar yang memenangi anugerah ASEAN untuk bertukar pengalaman dan pandangan yang bernilai dalam memupuk bandar-bandar yang mampan alam sekitar, dan untuk membina rangkaian serta potensi kolaborasi antara pihak berkepentingan dalam memulakan inisiatif bandar mampan di ASEAN.

8. Bagi Negara Brunei Darussalam, Seria telah dicalonkan untuk menerima Anugerah ASEAN 'ESC' ke-6. Hadir untuk menerima anugerah tersebut adalah Yang Mulia Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Seria dipilih berdasarkan pendekatan menyeluruh terhadap pembangunan hijau, yang merangkumi tumpuan yang kukuh kepada tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*), pengurangan sisa, kualiti udara dan pendidikan alam sekitar. Pekan ini telah mencapai kemajuan besar dengan melaksanakan projek-projek utama seperti loji fotovoltaiik suria Brunei Shell Petroleum dan *Seria Energy Recreational Park* yang dijana oleh tenaga suria. Inisiatif signifikan juga memainkan peranan penting, seperti program Setiap Hari Tanpa Beg Plastik, penempatan stesen pemantauan kualiti udara dan pemasangan stesen pengecasan kenderaan elektrik yang dijana oleh tenaga suria. Tambahan pula, komitmen Seria untuk memupuk minda hijau dalam komuniti jelas melalui pengiktirafan Sekolah Rendah PSN Pengiran Haji Mohammad Yusof dengan Anugerah Sekolah ASEAN *Eco Schools* atas usaha alam sekitar dan pemuliharaannya.

9. Mesyuarat merakamkan penghargaan atas kemajuan pembangunan Pelan Strategik ASEAN Pasca-2025 mengenai Alam Sekitar (ASPEN) dan Pelan Tindakan Strategik Perubahan Iklim ASEAN (ACCSAP). Mesyuarat mengiktiraf bahawa Pelan-pelan Strategik ini akan berfungsi sebagai panduan kukuh untuk membentuk hala tuju dasar, meningkatkan tadbir urus institusi, dan memantau kerjasama ASEAN mengenai alam sekitar dan perubahan iklim. Pelan-pelan ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan kerjasama dan penyelarasan serantau dalam isu-isu baharu dan rentas sektor seperti pencemaran plastik, ekonomi kitaran (*circular economy*), ekonomi biru dan hijau, penyelesaian berasaskan alam semula jadi (*nature-based solution*), dan pencemaran udara, selaras dengan Pelan Strategik ASCC bagi Wawasan Komuniti ASEAN 2045 dan agenda pembangunan global. Mesyuarat menantikan kolaborasi dan sumbangan daripada rakan-rakan kongsi luar untuk pembangunan dan pelaksanaan Pelan-pelan Strategik ini.

10. Mesyuarat mengesahkan semula komitmen mereka terhadap pelaksanaan Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (AATHP) yang

penuh dan berkesan serta mengambil maklum dengan penghargaan usaha berterusan Jawatankuasa di bawah Persidangan Ahli-ahli Parti kepada Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan dalam melaksanakan Pelan Hala Tuju Kedua Kerjasama ASEAN ke arah Kawalan Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan dengan Cara Pelaksanaan (Pelan Hala Tuju Bebas Jerebu) 2023-2030 dan Strategi Pengurusan Tanah Gambut ASEAN Kedua (2023-2030 (*Second ASEAN Peatland Management Strategy (APMS) 2023-2030*)). Mesyuarat menekankan kepentingan mengekalkan dan menggalakkan kerjasama dan kolaborasi dalam ASEAN dan dengan rakan-rakan luar bagi menyokong Rangka Kerja Pelaburan ASEAN untuk Pengurusan Tanah Mampan Bebas Jerebu (*ASEAN Investment Framework for Haze-Free Sustainable Land Management*) menjelang 2030.

11. Mesyuarat mengambil maklum penilaian oleh Pusat Meteorologi Khas ASEAN (*ASEAN Specialised Meteorological Centre, ASMC*), bahawa jumlah keseluruhan titik panas (*hotspot*) setakat ini bagi sub-rantau Mekong pada tahun 2025 adalah sekitar 25% lebih rendah berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024 semasa musim kemarau tradisionalnya antara Januari 2025 dan Mei 2025. Keadaan telah meningkat pada Februari – Mac 2025, dan Tahap Amaran 3 telah dikeluarkan pada 17 Mac 2025, dengan jerebu asap rentas sempadan yang meluas diperhatikan meliputi banyak bahagian sub-rantau tersebut. Jumlah keseluruhan titik panas setakat ini di rantau ASEAN selatan adalah sekitar 10% lebih tinggi pada tahun 2025 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024. Selepas bermulanya musim kemarau pada 12 Jun 2025, Tahap Amaran 2 telah dikeluarkan pada 19 Julai 2025. Jerebu asap rentas sempadan yang sederhana diperhatikan telah menjejaskan beberapa bahagian di rantau ASEAN selatan pada beberapa hari di bulan Julai 2025. Apabila keadaan yang lebih basah berkembang, Tahap Amaran telah diturunkan kepada Tahap 1 pada 12 Ogos 2025. Mesyuarat-mesyuarat itu mengambil maklum bahawa sama ada keadaan El Niño-Southern Oscillation (ENSO) neutral atau La Niña dijangka berlaku dalam beberapa bulan akan datang. Status Dipol Lautan Hindi (IOD) dijangka kekal neutral dalam tempoh ini. Masih terdapat risiko kejadian jerebu asap rentas sempadan di rantau ASEAN selatan semasa musim kemarau pada tahun 2025, kerana titik panas dengan kepulan asap boleh berlaku semasa keadaan yang lebih kering berpanjangan. Di sub-rantau Mekong, hujan yang dijangka hampir normal hingga di bawah normal menjelang akhir tahun mungkin menyumbang kepada peningkatan aktiviti titik panas dan risiko jerebu rentas sempadan yang lebih tinggi. Yang Berhormat, Menteri Pembangunan, mengongsikan bahawa kualiti udara Negara Brunei Darussalam sedikit terjejas oleh pencemaran jerebu rentas sempadan yang berlaku pada minggu keempat bulan Julai 2025 disebabkan oleh jerebu asap dari aktiviti titik panas di negara jiran yang membawa kepada perubahan kualiti udara di negara ini. Bacaan *Pollutant Standard Indeks (PSI)* yang direkodkan dari semua stesen pemantauan kualiti udara meningkat daripada biasa, hingga mencapai tahap Sederhana iaitu PSI 54. Hujan lebat sekali-sekala telah membantu mengurangkan dan menghalang keadaan berjerebu daripada berterusan di negara ini. Walaubagaimanapun, jerebu rentas sempadan mungkin berterusan disebabkan corak cuaca yang tidak menentu dan risiko jangka masa cuaca yang lebih kering dalam beberapa bulan akan datang. Oleh itu, Negara Brunei Darussalam akan terus komited bersama-sama dengan Negara Anggota ASEAN secara kolektif untuk menangani isu jerebu dan menangani pencemaran jerebu rentas sempadan di rantau ASEAN. Mesyuarat juga mengambil maklum pembangunan

produk kawasan terbakar dan tinjauan bermusim, peningkatan kepada Sistem Maklumat WMO (*WMO Information System, WIS*) ASMC, dan unjuran iklim serantau beresolusi tinggi melalui pemapar iklim dalam talian, serta program pembangunan kapasiti serantau yang merangkumi bengkel mengenai penilaian titik panas dan jerebu, analisis dan unjuran data iklim, serta program penempatan.

12. Mesyuarat mengambil maklum, berdasarkan penilaian Sistem Penarafan Bahaya Kebakaran Asia Tenggara (*Southeast Asia Fire Danger Rating System, FDRS*) bahawa masih terdapat risiko peningkatan aktiviti titik panas (hotspot) yang mungkin menyumbang kepada jerebu rentas sempadan sekiranya hujan yang terhad berterusan dalam beberapa minggu akan datang. Keadaan ini mungkin berlanjutan hingga September kerana rantau ini masih mengalami keadaan musim kemarau. Mesyuarat seterusnya mengiktiraf usaha berterusan MET Malaysia untuk memperkukuh kapasiti operasi SEA-FDRS. Usaha-usaha ini termasuk penempatan Stesen Cuaca Bantu Automatik (*Automated Auxiliary Weather Stations, AAWS* tambahan di bawah inisiatif Pengurusan Mampaan Ekosistem Tanah Gambut di Malaysia (*Sustainable Management of Peatland Ecosystem in Malaysia, SMPPEM GEF-IFAD*), cadangan penubuhan sistem sandaran FDRS menjelang 2027 untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan, dan perancangan kerjasama dengan Pusat Meteorologi Khas ASEAN (*ASEAN Specialised Meteorological Centre, ASMC*) dan Pusat Penyelidikan Iklim Singapura (*Centre for Climate Research, CCRS*) untuk menyokong pembangunan Indeks Cuaca Kebakaran (*Fire Weather Indices, FWI*) masa hadapan bagi SEA FDRS sehingga tahun 2100.

13. Mesyuarat mengambil maklum laporan oleh Mesyuarat Ke-26 Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri-Menteri Sub-Serantau Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (MSC Ke-26) dan Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri Sub-Rantau mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan di Sub-Rantau Mekong (MSC Mekong) dalam mengesahkan semula komitmen mereka untuk menangani isu-isu khusus berkaitan jerebu yang berlaku di rantau masing-masing. Mesyuarat-mesyuarat itu mengucapkan tahniah atas kejayaan Mesyuarat MSC Ke-26 di Brunei Darussalam, pada Julai 2025, dan menantikan penganjuran Mesyuarat MSC Mekong ke-14 di Lao PDR, pada November 2025, sebagai persediaan untuk musim kemarau yang akan datang.

14. Mesyuarat mengambil maklum mengenai dialog berterusan antara ASEAN dan rakan-rakan kongsi mengenai alam sekitar, perubahan iklim, dan isu-isu alam sekitar yang *cross-cutting*, dalam Dialog ASEAN-Jepun mengenai Kerjasama Alam Sekitar, Dialog ASEAN-Republik Korea mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Dialog Peringkat Tinggi ASEAN-EU mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Dialog Peringkat Tinggi ASEAN-AS mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, serta Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN *Plus Three* mengenai Alam Sekitar, yang telah diadakan pada 30-31 Julai 2025, di Langkawi, Malaysia.

15. Mesyuarat telah mengadakan perjumpaan dengan rakan sejawat dari Jepun, negara-negara *Plus Three* (China, Jepun, dan Republik Korea), dan Kesatuan Eropah dalam Dialog Peringkat Menteri ASEAN-Jepun mengenai Kerjasama Alam Sekitar, Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN *Plus Three*, dan Dialog Peringkat

Menteri ASEAN-EU mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, untuk mengkaji semula aktiviti semasa dan membincangkan kerjasama strategik masa hadapan mengenai biodiversiti, perubahan iklim, pendidikan alam sekitar, sains dan teknologi alam sekitar, bandar yang mampan alam sekitar, sumber air dan serpihan plastik marin, antara lainnya.

16. Sebelum Dialog Peringkat Tinggi ASEAN-EU Pertama mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menghadiri Acara Sampingan Bersama EU-ASEAN: Memajukan Perlindungan Biodiversiti dan Penetapan Harga Karbon untuk Kelestarian, di mana beliau menyampaikan Ucapan Alu-aluan dalam kapasitinya sebagai penyelarar negara (*country coordinator*). Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menekankan bahawa krisis kembar perubahan iklim dan kehilangan biodiversiti adalah cabaran mendesak bagi rantau ini, yang menjejaskan masyarakat melalui peningkatan suhu, cuaca ekstrem yang lebih kerap, dan kemerosotan ekosistem. Beliau menyatakan bahawa isu-isu yang kompleks dan saling berkaitan ini memerlukan tindakan kolektif, kerana tiada satu negara pun yang boleh menanganinya secara bersendirian. Yang Berhormat Menteri Pembangunan menekankan bahawa acara sampingan ini menyediakan platform yang berharga untuk Negara-negara Anggota ASEAN bertukar pengalaman dengan Kesatuan Eropah, rakan kongsi yang telah lama bekerjasama dengan ASEAN. Yang Berhormat Menteri Pembangunan merakamkan penghargaan atas sokongan EU dalam tindakan iklim melalui program seperti Program Tindakan Iklim EU-Jerman dan sokongan terhadap Pusat Perubahan Iklim ASEAN baharu di Negara Brunei Darussalam. Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga mengesahkan bahawa perlindungan biodiversiti adalah keutamaan nasional bagi Negara Brunei Darussalam, dengan hutan meliputi 72% daripada kawasan daratannya. Yang Berhormat Menteri Pembangunan turut berkongsi bahawa Negara Brunei Darussalam telah menetapkan sasaran perubahan iklim kebangsaan, termasuk matlamat untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 20% menjelang 2030, dan sedang giat meneroka kebolehlaksanaan pasaran karbon dan penetapan harga karbon sebagai kaedah untuk dekarbonisasi (*decarbonization*).

17. Mesyuarat mengalu-alukan Kenyataan Bersama mengenai Perkongsian Saling Menguntungkan ASEAN-Jepun dalam Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bagi Merealisasikan Pertumbuhan Baharu dan Inisiatif Kerjasama ASEAN-Jepun yang diperluaskan: Program Strategik bagi Iklim dan Alam Sekitar ASEAN (SPACE).

18. Mesyuarat menyambut baik Program Kerja ASEAN-EU mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim 2025-2026, serta kemajuan pembangunan Rangka Kerja Strategi dan Pelan Tindakan Kerjasama Alam Sekitar ASEAN-China 2026-2030 dan telah mengeluarkan Kenyataan Akhbar Bersama mengenai Dialog Peringkat Menteri ASEAN-EU yang pertama mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

19. Mesyuarat bersetuju untuk bertemu lagi di Viet Nam, pada tahun 2026, bagi Mesyuarat Persidangan Pihak-Pihak kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan Ke-21, dan di Nay Pyi Taw, Myanmar, pada tahun 2027, bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN Ke-19 dan Mesyuarat Persidangan

Pihak-Pihak kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan Ke-22.

Disediakan oleh:

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Kementerian Pembangunan
E-mel: jastre.epm@env.gov.bn

Rujukan: (10) JASTRE/PR/2025

Focal point: Rodziah Haji Adnan (+673 8637017 / rodziah.adnan@env.gov.bn)

Lampiran

Penerima Anugerah ASEAN ESC ke-6

No.	Negara	Bandar yang Dicalonkan bagi Anugerah ASEAN ESC 2025	Ciri-Ciri Utama
1.	Brunei Darussalam	Seria	Loji Suria Ftovoltaik BSP, Taman Rekreasi Tenaga Seria dan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik
2.	Cambodia	Siem Reap City	Anugerah Bandar Bersih Kebangsaan (2022-2025), dan Anugerah Bandar Pelancongan Bersih ASEAN (2022-2024), termasuk inisiatif bebas plastic dan pemuliharaan air bawah tanah.
3.	Indonesia	Banyumas	Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam, pengurusan sisa, kebersihan, kualiti alam sekitar bandar, ekonomi kitaran.
4.	Lao PDR	Xay City	Adaptasi berasaskan Ekosistem, pengurusan risiko bencana, kemudahan kehidupan adaptif iklim tempatan, pengurusan sisa plastik.
5.	Malaysia	Kota Tinggi	Piawaian Bandar Pelancongan Bersih ASEAN, pembangunan bandar mampan, penglibatan komuniti yang inklusif dan inisiatif tempatan yang inovatif.
6.	Myanmar	Hpa-an City	Pengurusan sisa, mitigasi dan adaptasi perubahan iklim, dan pemuliharaan biodiversiti, pengurusan sisa plastik.
7.	Philippines	Samal City	Pengurusan sisa pepejal, perlindungan biodiversiti marin, pendidikan komuniti dan pengendalian sisa yang bertanggungjawab.
8.	Singapore	Brickland-Tengah Division	Program alam sekitar berasaskan komuniti, perayaan lestari berasaskan komuniti, inisiatif berbasikal komuniti, kolaborasi komuniti-perniagaan dalam kelestarian.

9.	Thailand	Pakkret City Municipality	Pengurusan sisa pepejal bersepadu, air bersih, dan pengurusan pelepasan gas rumah hijau (GHG), kecekapan tenaga, pengurusan air sisa, perancangan pencegahan dan tindak balas banjir, pengurusan kualiti udara, biodiversiti dan ruang hijau.
10.	Viet Nam	Hoa Lu City	Inisiatif pembangunan mampan sensitif jantina, pelancongan mampan, pendidikan dan kesedaran alam sekitar di sekolah.

Penerima Certificates of Recognition ke-5

Kategori		COR ke-5 2025	
Bandar Besar (Big Cities)	Udara Bersih (<i>Clean Air</i>)	Indonesia	Malang
	Air Bersih (<i>Clean Water</i>)	Indonesia	Bandung
	Tanah Bersih (<i>Clean Land</i>)	Malaysia	Johor Bahru
	Biodiversiti Bandar dan Ruang Hijau (<i>Urban Biodiversity and Green Spaces</i>)	Malaysia	Klang
		Viet Nam	Hai Phong
	Ekonomi Kitaran (<i>Circular Economy</i>)	Indonesia	Padang
		Malaysia	Petaling Jaya
Bandar Kecil (Small Cities)	Udara Bersih (<i>Clean Air</i>)	Cambodia	Tboung Khmum
		Malaysia	Hang Tuah Jaya
	Air Bersih (<i>Clean Water</i>)	Thailand	Hua Hin City Municipality
	Tanah Bersih (<i>Clean Land</i>)		
	Biodiversiti Bandar dan Ruang Hijau (<i>Urban Biodiversity and Green Spaces</i>)	Cambodia	Ponhea Kraek
		Cambodia	Takhmao
		Malaysia	Banting
	Ekonomi Kitaran (<i>Circular Economy</i>)	Philippines	Dipolog
	Udara Bersih (<i>Clean Air</i>)	Indonesia	Ciamis Regency
	Air Bersih (<i>Clean Water</i>)	Thailand	Thungsong Town Municipality
	Tanah Bersih (<i>Clean Land</i>)	Cambodia	Sihanoukvile
		Malaysia	Melaka
		Philippines	Bacolod



MEDIA RELEASE

EIGHTEENTH ASEAN MINISTERIAL MEETING ON THE ENVIRONMENT (18TH AMME) AND THE TWENTIETH MEETING OF THE CONFERENCE OF THE PARTIES TO THE ASEAN AGREEMENT ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (COP-20)

**3 - 4 September 2025
Langkawi, Malaysia**

1. The 18th ASEAN Ministerial Meeting on the Environment and the 20th Meeting of the Conference of the Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution were held on 3 September 2025, in Langkawi, Malaysia. The Meetings reaffirmed their commitments to strengthening coordinated regional efforts to addressing the environmental challenges and promoting sustainable development, in line with the theme of Malaysia's 2025 ASEAN Chairmanship: Inclusivity and Sustainability and the ASEAN Community Vision 2045 and its ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) Strategic Plan adopted by the 46th ASEAN Summit.
2. Brunei Darussalam was represented by Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Minister of Development, Yang Mulia Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Permanent Secretary, Ministry of Development, and senior officials from the Department of Environment, Parks and Recreation, Ministry of Development, and the Brunei Darussalam Climate Change Office, Prime Minister's Office.
3. The Meetings commended Malaysia's 2025 ASEAN Chairmanship priorities to foster regional cooperation, among others, through 'Addressing Climate Change for Stewardship, Partnership, and Ownership'. The Meetings endorsed the ASEAN Joint Statement on Climate Change to the 30th Session of the Conference of the Parties to the United Nations Framework on Climate Change (UNFCCC COP30) for consideration of the 47th ASEAN Summit. The Meetings acknowledged Malaysia's initiative to establish

Southeast Asia Alliance Negotiation Group (Group SEA) under the Global Climate Change Negotiation Process within the UNFCCC, welcomed further discussion and inputs from AMS. The Meetings looked forward to the convening of the first ASEAN Pavilion at the UNFCCC COP30 in November 2025, in Belém, Brazil, which will serve as a powerful demonstration of ASEAN's unwavering commitment to taking meaningful action on climate change. The Meetings acknowledged Malaysia's initiative to strengthen capacity and cooperation on carbon market and carbon pricing in the region, to contribute to ASEAN's climate goals.

4. The Meetings commended the signing by all ASEAN Member States on the Agreement on the Establishment of the ASEAN Centre for Climate Change (ACCC) based in Brunei Darussalam and the Agreement on the Establishment of the ASEAN Coordinating Centre for Transboundary Haze Pollution Control (ACC THPC) based in Indonesia. The Meetings looked forward to each AMS initiating the ratification process and the full establishment and operationalisation of the Centres.

5. In his statement, Yang Berhormat Minister of Development shared Brunei Darussalam's initiatives to achieve a resilient environment that supports the national vision of Wawasan Brunei 2035 and the United Nations 2030 Agenda for Sustainable Development. In the area of waste management and circular economy, Brunei Darussalam continues to advance its efforts toward sustainable waste management through three main strategies: waste minimization via 3R (Reduce, Reuse, Recycle), public awareness and empowerment, and the adoption of Waste-to-Resource technology. Ongoing initiatives include the Eco Food Waste Initiative, the No Plastic Bag Everyday Initiative, the Plastic Bottle Free Initiative, the Coastal Marvel National Cleanup Campaign, Nationwide Recycling Day and the Bring Your Own Reusables campaign. Regarding climate change and sustainability, Brunei Darussalam has charted a clear course toward a 20% reduction in greenhouse gas emissions by 2030, relative to Business as Usual, and an aspiration for net-zero emissions by 2050 through a mandatory greenhouse gas reporting directive that has strengthened national MRV capacity. In addition, Brunei Darussalam remains committed to engaging its youth through targeted initiatives for young people at all levels, including the BELIA BRUNAS programme through its YouLEARN and YouGAIN phases, the Green Schools Initiative and STEAM Outreach Programme. Brunei Darussalam also continues to safeguard the nation's biodiversity, with 41% of its land designated for protection and conservation, and is committed to the Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework and its pledge to plant 500,000 new trees by 2035.

6. The Meetings approved the designation of six (6) new ASEAN Heritage Parks, namely Tengku Hassanal Wildlife Reserve, Bako National Park and Lambir Hills National Park of Malaysia; Pu Mat National Park, Dong Nai Culture and Nature Reserve and Xuan Thuy National Park of Viet Nam; as the 64th, 65th, 66th, 67th, 68th, and 69th ASEAN Heritage Parks, respectively. The Meetings congratulated the ASEAN Centre for Biodiversity (ACB) on its upcoming 20th Anniversary as the regional centre of excellence for biodiversity conservation and appreciated the continued support in facilitating cooperation and

coordination on biodiversity. Further, the Meetings also welcomed the new Executive Director of the ASEAN Centre for Biodiversity.

7. The Meetings commended the recipients of the 6th ASEAN Environmentally Sustainable Cities (ESC) Award and the 5th Certificates of Recognition, recognising their achievements as inspiration for other cities to pursue more sustainable policies and practices. The ASEAN ESC Regional Seminar was held on 2-3 September 2025, which empowered ASEAN-awarded cities to exchange valuable experiences and insights on fostering environmentally sustainable cities, and to build their networks and potential collaboration between stakeholders in initiating sustainable cities in ASEAN.

8. For Brunei Darussalam, Seria was nominated to receive the 6th ASEAN ESC Award. Present to receive the award was Yang Mulia Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad, Acting Belait District Officer, Ministry of Home Affairs. Seria was selected due to its comprehensive approach to green development, which includes a strong focus on renewable energy, waste reduction, air quality and environmental education. The town has made significant strides by implementing major projects like the Brunei Shell Petroleum's solar photovoltaic plant and the solar-powered Seria Energy Recreational Park. Significant initiatives also play a crucial role, such as implementation of the No Plastic Bag Every Day initiative, monitoring of air quality through the air quality monitoring station and the installation of solar-powered electric vehicle charging stations. Furthermore, Seria's commitment to fostering a green mindset in the community is evident through the recognition of PSN Pengiran Haji Mohammad Yusof Primary School with the ASEAN Eco-Schools Award for its environmental and conservation efforts.

9. The Meetings commended the progress in developing the Post-2025 ASEAN Strategic Plan on Environment (ASPEN) and the ASEAN Climate Change Strategic Action Plan (ACCSAP). The Meetings acknowledged that these Strategic Plans will serve as a robust guide for shaping policy direction, enhancing institutional governance, and monitoring ASEAN cooperation on environment and climate change. These plans also aim to enhance regional cooperation and coordination on emerging and cross-cutting issues such as plastic pollution, circular economy, blue and green economy, nature-based solutions, and air pollution, in alignment with the ASCC Strategic Plan for the ASEAN Community Vision 2045 and global development agenda. The Meetings looked forward to collaboration and contribution from external partners for the development and implementation of the Strategic Plans.

10. The Meetings reaffirmed their commitment to the full and effective implementation of the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (AATHP) and noted with appreciation the continued efforts of the Committee under the Conference of Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (COM) in implementing the Second Roadmap on ASEAN Cooperation towards Transboundary Haze Pollution Control with Means of Implementation (Haze-free Roadmap) 2023-2030 and the Second ASEAN Peatland Management Strategy (APMS) 2023-2030. The Meetings underscored the significance of maintaining and promoting cooperation and collaboration within ASEAN and with external partners to support the ASEAN Investment

Framework for Haze-free Sustainable Land Management to achieve the shared vision of a Transboundary Haze-Free ASEAN by 2030.

11. The Meetings noted the ASEAN Specialised Meteorological Centre's (ASMC's) assessment that the overall hotspot count so far for the Mekong sub-region in 2025 was around 25% lower than the same period in 2024 during its traditional dry season between January 2025 and May 2025. The situation escalated during February – March 2025, and Alert Level 3 was issued on 17 March 2025, with widespread transboundary smoke haze observed to cover many parts of the sub-region. The overall hotspot count so far over the southern ASEAN region was around 10% higher in 2025 compared to the same period in 2024. After the start of its dry season on 12 June 2025, the Alert Level 2 was issued on 19 July 2025. Moderate transboundary smoke haze was observed to affect parts of the southern ASEAN region on a few days in July 2025. As wetter conditions developed, the Alert Level was downgraded to Level 1 on 12 Aug 2025. The Meetings noted that either El Niño-Southern Oscillation (ENSO) neutral or La Niña conditions are expected in the coming months. The Indian Ocean Dipole (IOD) status is expected to remain neutral during this period. There remains a risk of transboundary smoke haze occurrence in the southern ASEAN region during its dry season in 2025, as hotspots with smoke plumes can develop during prolonged drier conditions. In the Mekong sub-region, the near-normal to below-normal rainfall expected towards the end of the year may contribute to increased hotspot activity and heightened risk of transboundary haze. Yang Berhormat Minister of Development shared that Brunei Darussalam's air quality was slightly affected by transboundary haze pollution that occurred in the fourth week of July 2025 due to haze smoke from hotspot activities in neighbouring countries, which led to changes in air quality in the country. The Pollutant Standard Index (PSI) readings from all air quality monitoring stations increased higher than normal, with the highest PSI being 54. Occasional heavy rains have helped reduce and prevent the haze from continuing in the country. However, transboundary haze may persist due to unpredictable weather patterns and the likelihood of drier weather in the coming months. Therefore, Brunei Darussalam remained committed, alongside ASEAN Member States, to tackling haze issues and addressing transboundary haze pollution collectively within the ASEAN region. The Meetings also noted developments of burned area and seasonal outlook products, upgrades to the ASMC WMO Information System (WIS), and high-resolution regional climate projections via an online climate visualiser, as well as a regional capability-building programme that includes workshops on hotspot and haze assessment, climate data analysis and projections, as well as attachment programmes.

12. The Meeting noted, based on the Southeast Asia Fire Danger Rating System (SEA-FDRS) assessment, that there remains a risk of escalating hotspot activity which may contribute to transboundary haze should limited rainfall persist in the coming weeks. This situation may extend into September as the region continues to experience dry season conditions. The Meeting further acknowledged MET Malaysia's ongoing efforts to strengthen the operational capacity of the SEA-FDRS. These efforts include the deployment of additional Automated Auxiliary Weather Stations (AAWS) under the Sustainable Management of Peatland Ecosystems in Malaysia (SMPEM GEF-IFAD) initiative, the proposed establishment of a backup FDRS system by 2027 to ensure service continuity, and a planned collaboration with the ASEAN Specialised Meteorological Centre

(ASMC) to develop long-term Fire Weather Index (FWI) projections for the region through 2100.

13. The Meetings noted the reports by the Sub-Regional Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution (MSC) and the Sub-Regional Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution in the Mekong Sub-Region (MSC Mekong) in reaffirming their commitment to address specific haze-related issues occurring in the respective regions. The Meetings congratulated the successful 26th MSC in Brunei Darussalam, in July 2025, and looked forward to the convening of the 14th MSC Mekong in Lao PDR, in November 2025, to prepare for the upcoming dry season.

14. The Meetings noted the continuing dialogues between ASEAN and partners on environment, climate change and cross-cutting environmental issues, at the ASEAN-Japan Dialogue on Environmental Cooperation, ASEAN-ROK Dialogue on Environment and Climate Change, ASEAN-EU High-Level Dialogue on Environment and Climate Change, ASEAN-US High-Level Dialogue on Environment and Climate Change, and the ASEAN Plus Three Senior Officials' Meeting on the Environment, held on 30-31 July 2025, in Langkawi, Malaysia.

15. The Meetings met their counterparts from Japan, Plus Three countries (China, Japan, and Republic of Korea), and the European Union at the ASEAN-Japan Ministerial Dialogue on Environmental Cooperation, the ASEAN Plus Three Environment Ministers' Meeting, and the ASEAN-EU Ministerial Dialogue on Environment and Climate Change respectively, to review current activities and discuss future strategic cooperation on biodiversity, climate change, environmental education, environmental science and technology, environmentally sustainable cities, water resources and marine plastic debris, among others.

16. Prior to the 1st ASEAN-EU High-Level Dialogue on Environment and Climate Change, Yang Berhormat Minister of Development attended the EU-ASEAN Joint Side Event: Advancing Biodiversity Protection and Carbon Pricing for Sustainable, where he delivered the Opening Remarks in his capacity as the country coordinator. In his remarks, Yang Berhormat Minister of Development highlighted that the twin crises of climate change and biodiversity loss are urgent challenges for the region, affecting communities through rising temperatures, extreme weather, and ecosystem decline. He noted that these complex and interconnected issues require collective action, as no single country can solve them alone. The Minister emphasized that the side event provides a valuable platform for ASEAN Member States to exchange experiences with the European Union, a long-standing partner. He expressed appreciation for the EU's support in climate action through programs like the EU-Germany Climate Action Program and its backing of the new ASEAN Centre on Climate Change in Brunei Darussalam. The Minister also affirmed that protecting biodiversity is a national priority for Brunei Darussalam, with forests covering 72% of its land. He shared that Brunei has set national climate change targets, including a goal to reduce greenhouse gas emissions by 20% by 2030, and is actively exploring the feasibility of carbon markets and pricing as tools for decarbonization.

17. The Meetings welcomed the Joint Statement on the ASEAN-Japan Mutually Beneficial Partnership on Environment and Climate Change for Materializing New Growth and the expanded ASEAN-Japan Cooperation Initiative: Strategic Program for ASEAN Climate and Environment (SPACE).

18. The Meetings welcomed the ASEAN-EU Work Programme on Environment and Climate Change 2025-2026, as well as the progress of the development of the Framework of ASEAN-China Environmental Cooperation Strategy and Action Plan 2026-2030 and issued the Joint Press Statement on the first ASEAN-EU Ministerial Dialogue on Environment and Climate Change.

19. The Meetings agreed to meet again in Viet Nam, in 2026, for the 21st Meeting of the Conference of the Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution, and in Nay Pyi Taw, Myanmar, in 2027, for the 19th ASEAN Ministerial Meeting on the Environment and the 22nd Meeting of the Conference of the Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution.

Prepared by:

Department of Environment, Parks and Recreation

Ministry of Development

E-mail: jastre.epm@env.gov.bn

Reference: (10)JASTRE/PR/2025

Focal point: Rodziah Haji Adnan (+673 8637017 / rodziah.adnan@env.gov.bn)

Attachment

Recipients of the 6th ASEAN ESC Award

No.	Country	City Nominations for ESC Award 2025	Key Features
11.	Brunei Darussalam	Seria	BSP's Solar Photovoltaic Plant, Seria Energy Recreational Park and No Plastic Bag Everyday Initiative.
12.	Cambodia	Siem Reap City	National Clean City Award (2022-2025), and ASEAN Clean Tourist City Award (2022-2024), including plastic free initiatives and groundwater conservation.
13.	Indonesia	Banyumas	Public Service Innovation Award, waste management, cleanliness, urban environmental quality, circular economy.
14.	Lao PDR	Xay City	Ecosystem-based Adaptation, disaster risk management, local climate adaptive living facility, waste management for plastics.
15.	Malaysia	Kota Tinggi	ASEAN Clean Tourist City Standard, sustainable urban development, inclusive community engagement and innovative local initiatives.
16.	Myanmar	Hpa-an City	Waste management, climate change mitigation and adaptation, and biodiversity conservation, plastic waste management.
17.	Philippines	Samal City	Solid waste management, marine biodiversity protection, community education and responsible waste handling.
18.	Singapore	Brickland-Tengah Division	Community-based environmental programmes, community-based sustainable festivals, community cycling initiative, community-business collaboration in sustainability
19.	Thailand	Pakkret City Municipality	Integrated solid waste management, clean water, and GHG emissions management, energy efficiency, wastewater management, flood prevention and response planning, air quality

			management, biodiversity and green space.
20.	Viet Nam	Hoa Lu City	Gender sensitive sustainable development initiatives, sustainable tourism, environmental education and awareness in schools.

Recipients of the 5th Certificates of Recognition

Category		5 th COR 2025	
Big Cities	Clean Air	Indonesia	Malang
	Clean Water	Indonesia	Bandung
	Clean Land	Malaysia	Johor Bahru
	Urban Biodiversity and Green Spaces	Malaysia	Klang
		Viet Nam	Hai Phong
	Circular Economy	Indonesia	Padang
		Malaysia	Petaling Jaya
Small Cities	Clean Air	Cambodia	Tboung Khmum
		Malaysia	Hang Tuah Jaya
		Thailand	Hua Hin City Municipality
	Clean Water	Cambodia	Ponhea Kraek
		Cambodia	Takhmao
		Malaysia	Banting
		Philippines	Dipolog
	Clean Land	Indonesia	Ciamis Regency
	Urban Biodiversity and Green Spaces	Thailand	Thungsong Town Municipality
	Circular Economy	Cambodia	Sihanoukvile
		Malaysia	Melaka
		Philippines	Bacolod